

26 JUL 2001

Mahathir-Bandar

KERAJAAN USAHA PASTIKAN MELAYU MILIKI PERNIAGAAN DI BANDAR BARU

ALOR SETAR, 26 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan sedang berusaha untuk memastikan wujudnya orang Melayu yang memiliki perniagaan, kedai, bangunan di bandar baru.

Perdana Menteri berkata kerajaan mahu melihat semua kaum memiliki ruang perniagaan di bandar agar pembahagian kekayaan menjadi lebih adil.

Ketika merasmikan mesyuarat agung Koperasi Pekan Rabu Berhad di sini, beliau berkata semua kaum mesti bersama-sama berniaga di bandar baru bagi mengelakkan wujudnya iri hati sesama sendiri.

Dr Mahathir berkata keadaan yang memperlihatkan sesuatu kaum sahaja menguasai perniagaan apabila bandar baru dibuka seperti yang berlaku sekarang adalah tidak sihat bagi negara berbilang kaum seperti Malaysia.

Bagaimanapun Dr Mahathir berkata usaha memasukkan orang Melayu ke bandar baru bukanlah sesuatu yang mudah kerana mereka masih belum mencapai tahap perniagaan yang memiliki bangunan batu.

Beliau berkata orang Melayu lebih suka berniaga di tepi jalan daripada di bangunan batu dan sikap itu perlu diubah dengan memiliki keupayaan berniaga yang lebih tinggi.

"Orang Melayu mesti berubah daripada berniaga di tepi jalan kepada bangunan batu yang lebih tersusun. Kita boleh berjaya kalau sanggup tahan hati dan mempunyai pengurusan kewangan yang baik," katanya.

"Saya sedih kerana ramai orang Melayu tidak berjaya dalam perniagaan sejak Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan 30 tahun lalu. Sebab itu kerajaan memperkenalkan cara francais," katanya.

Menyentuh mengenai projek Che Det Mall dan Che Det Walk yang menelan belanja RM13 juta di Pekan Rabu di sini, Dr Mahathir berkata semua peniaga di situ harus berubah selaras dengan kemajuannya.

"Saya harap kebersihan dijaga, suasana elok dan peniaga memakai pakaian yang tertib, baru boleh jadi macam Bintang Walk di ibu negara," katanya.

Beliau berkata penggunaan namanya (Che Det) untuk projek itu masih belum lagi mendapat kelulusan dan dilakukan tanpa bertanya kepadanya dahulu.

"Penggunaan nama saya belum dapat kelulusan dan tak tanya saya dulu. Saya tak pasti elok lagi. Saya takut orang PAS tak datang," katanya secara berseloroh.

Dr Mahathir turut mencuit hati anggota perwakilan yang hadir apabila beliau menunjukkan sampul surat biru berisi wang kerana menghadiri mesyuarat itu.

"Yang rasmi mesyuarat ini hanya ahli sahaja. Sebagai ahli koperasi, saya dapat elaun RM30 kerana hadir," katanya.

Pekan Rabu dianggap sinonim dengan Perdana Menteri kerana beliau pernah berniaga pisang goreng dan kayu api semasa remaja kira-kira 58 tahun lalu di situ.

-- BERNAMA

MAN NMO